MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN TIGA
TAHUN 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40 soalan.**

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A, B, C** *dan* **D.**
   Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** *jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Berfikirlah dengan teliti ketika anda memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang tidak dikehendaki itu sehingga bersih dan kemudian hitamkan pilihan anda yang baharu.*

Kertas Soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 1 hingga Soalan 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** *jawapan yang* **paling sesuai**.

1. Minyak masak yang sudah lama tidak digunakan akan mengeluarkan bau yang _____.

   A hapak
   B pering
   C tengik
   D sengit

2. Pasangan pengantin diraja itu duduk di atas _____ sebaik-baik sahaja diarak oleh pasukan kompang istana.

   A peterana
   B mahligai
   C singgahsana
   D takhta

3. Normala dikatakan _____ disebabkan perangainya yang tidak menentu dan sukar diramalkan.

   A ringan kepala
   B kepala angin
   C keras kepala
   D kepala batu

4. Maria lebih rela bersuamikan nelayan yang berhati mulia _____ lelaki kaya yang mata keranjang.

   A daripada
   B kecuali
   C kerana
   D dari

5. Kerja-kerja membaiki jambatan yang runtuh itu diketuai oleh seorang _____ perunding dari sebuah syarikat kontraktor.

   A jurutera
   B jurubatu
   C jurumudi
   D jurureka

http://www.andrewchoo.edu.my

6. Pihak sekolah terpaksa _____ jumlah kemasukan pelajar baru kerana menghadapi masalah kekurangan bilik darjah.

   A menghadkan
   B menghad
   C mengehad
   D mengehadkan

7. _____ Yasmin tidak termakan gulai yang pedas itu, _____ adiknya, Yusmin.

   A Baik …….. ataupun
   B Bukan sahaja ……walaupun demikian
   C Bukan sahaja ……. bahkan juga
   D Sedangkan ……..apatah lagi

Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat- ayat di bawah ini **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika terdapat kesalahan,* **kesalahan itu telah ditandai** *dengan* **A, B**, *dan* **C**. *Tandakan* **A, B**, *atau* **C** *jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan D jika* **tiada kesalahan** *dalam ayat yang berkenaan.*

8. Setiap (A) pekerja perlu memastikan bahawa majikan membuat caruman (B) pendapatan mereka dalam (C) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Tiada kesalahan (D)

9. Para (A) pemain itu akan didenda jika sekiranya (B) mereka tidak menghadiri sesi latihan pada (C) petang ini. Tiada kesalahan (D).

10. Pengerusi Persatuan Pengguna menasihati (A) orang ramai supaya tidak ditipu oleh setengah (B) peniaga yang menaikkan harga barangan ekoran (C) kenaikan harga petrol. Tiada kesalahan. (D)

11. Peserta-peserta (A) dalam pertandingan perbahasan (B) pada peringkat kebangsaan itu saling bertukar-tukar (C) pandangan tentang masalah alam sekitar. Tiada kesalahan (D).

12. Cikgu mengarahkan (A) ketua tingkatan mengumpulkan buku latihan-buku latihan (B) dan diletakkan (C) di atas meja guru. Tiada kesalahan (D).

http://www.andrewchoo.edu.my

13. Tandatangan penjaga perlu diperolehi sebelum murid-murid dibenarkan menyertai
A B C
lawatan anjuran pihak sekolah. Tiada kesalahan.
D

14. Walaupun tidak berbuat jahat tetapi dia tetap dituduh mencuri kerana dia adalah bekas
A B C
banduan. Tiada kesalahan.
D

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **kata yang berhuruf condong dengan betul** *dan tentukan bahawa anda telah* **memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.**

15. I Dua minggu yang lalu bapa mengirimi abang *bingkisan* untuk bertanyakan khabar.
II *Bingkisan* yang berisi pakaian lama itu akan dihantar ke Pusat Nias untuk diagihkan kepada mangsa gempa bumi baru-baru ini.
III Setiap kali musim perayaan menjelang, anggota-anggota tentera di perbatasan menerima *bingkisan* masing-masing kiriman keluarga tercinta.
IV Doktor membuka *bingkisan* pada lengan Saleh yang luka akibat terkena pisau.

A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II, III dan IV sahaja

16. I Hakim itu membuat keputusan *buang* bicara terhadap pemuda yang tidak bersalah itu.
II Ujang dimarahi oleh keluarganya kerana bersikap *buang* baka lantaran keengganannya berkahwin dengan gadis pilihan ibunya.
III Peserta silat olahraga itu sempat *buang* tangan ke arah lawannya dalam pertandingan silat peringkat zon timur.
IV Banyak buah jambu air nenek Mariam di kebun luruh sebagai tanda *buang* buruk.

A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV sahaja

http://www.andrewchoo.edu.my

17. I Suhaimi suka membaca buku *sementara* adiknya lebih suka bermain komputer.
II Buatlah kerja sekolah kamu itu sekarang *sementara* waktu masih ada.
III "Datang ke sini *sementara* kerana saya ada hal untuk beritahu awak," kata Azman kepada rakannya.
IV Sebelum menjawat jawatan sekarang pemuda itu hanyalah pekerja *sementara* di syarikat tersebut.

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang ***berikut*** *telah digarisi. Bahagian yang* **bergaris** *itu* **mungkin mempunyai kesalahan** *dalam penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**. *Jika anda menganggap bahawa pada bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda* **hendaklah menandakan A, B**, *atau* **C** *sebagai jawapan pilihan anda. Jika tiada* **kesalahan**, *tandakan* **D**.

18. Remaja kini suka melepak di kompleks-kompleks beli-belah tanpa tujuan.

A di kompleks membeli-belah
B di kompleks beli-belah
C di kompleks-kompleks membeli-belah
D di kompleks-kompleks beli-belah

19. En. Zaini memberi wang yang banyak kepada anaknya untuk membeli pakaian sejuk sebelum ke luar negara.

A memberi banyak wang
B memberikan banyak wang
C memberikan wang yang banyak
D memberi wang yang banyak

20. "Kerja ini kami akan lakukan" kata Syaza kepada kawannya.

A akan kami melakukan
B akan dilakukan oleh kami
C akan kami lakukan
D kami akan lakukan

21. Pasukan keselamatan menjejaki penjahat-penjahat itu berasaskan pada maklumat yang diberi oleh orang ramai.

A berasaskan kepada maklumat
B berasaskan maklumat
C berasas maklumat
D berasaskan pada maklumat

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 22 hingga Soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang ***sama*** *atau yang* **paling hampir** *dengan* ayat yang dicetak tebal.

22. Golongan belia hendaklah diberi pendidikan yang sewajarnya agar mereka menjadi rakyat yang berguna kepada negara.

A Negara hendaklah memberi pendidikan yang sewajarnya kepada golongan belia agar mereka menjadi rakyat yang berguna.
B Menjadi rakyat yang berguna kepada negara sewajarnya diberi pendidikan kepada golongan belia.
C Pendidikan yang sepatutnya haruslah diberikan kepada kalangan belia agar mereka menjadi rakyat yang berfedah untuk negara.
D Golongan belia yang berguna kepada negara hendaklah diberi pendidikan yang secukupnya.

23. Penduduk di kawasan itu menghadapi masalah untuk ke bandar kerana perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan terhad.

A Masalah yang dihadapi oleh penduduk adalah kerana perkhidmatan pengangkutan di kawasan itu yang terhad untuk ke bandar.
B Masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan itu untuk ke bandar adalah kerana terbatasnya penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam.
C Perkhidmatan pengangkutan awam yang terhad disediakan menyukarkan penduduk yang hendak ke bandar.
D Kerana perkhidmatan pengangkutan yang disediakan terhad, penduduk di kawasan itu menghadapi masalah.

24. Makanan harus ditutup sentiasa supaya tidak dihinggapi lalat yang akan mendatangkan penyakit," nasihat ibu kepada Yasmin.

A Ibu Yasmin dinasihatkan supaya sentiasa menutup makanan agar tidak dihinggapi lalat yang membawa penyakit.
B Ibu Yasmin selalu dinasihatkan agar menutup makanan supaya tidak dihinggapi lalat yang mendatangkan penyakit.
C Ibu menasihati Yasmin agar selalu menutup makanan supaya tidak dihinggapi lalat yang akan membawa penyakit.
D Yasmin dinasihati agar menutup makanan supaya tidak selalu dihinggapi lalat yang mendatangkan penyakit.

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 25 hingga Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang **betul** *dan tentukan bahawa anda telah* **memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.**

25 I Sumbangan kaum wanita dalam pelbagai bidang sains dan teknologi tidak dapat dinafikan sama sekali.
II Izzat rajin menelaah pelajaran meskipun matanya agak kabur.
III Tekanan perasaan akan menyebabkan seseorang itu sukar untuk mendapatkan tidur yang berkualiti.
IV Wayang kulit ialah hiburan di waktu malam yang dipersembahkan di atas pentas yang diperbuat daripada buluh.

A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

26. I Mereka menunggu kami di perhentian teksi.
II Adalah diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa tahun ini jatuh pada hari Selasa.
III Pertandingan itu diadakan bersempena dengan sambutan Jubli Perak sekolah kami.
IV Derma bagi mangsa-mangsa kebakaran itu masih dipungut seterusnya.

A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II, dan IV sahaja
D II, III dan IV

27. I Kejayaan yang saya capai adalah dorongan daripada kedua ibu bapa.
II Sampaikan salam saya kepada Cikgu Zaiton.
III Apakah buktinya bahawa dunia ini bulat?
IV Dia menerima gaji bulanan, tidak mingguan.

A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D I, II dan III sahaja

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih **jawapan yang paling sesuai** *bagi penyataan-penyataan yang berkaitan dengan peribahasa di bawah ini.*

28. Zanariah sangat gembira apabila suaminya menghadiahkan seutas rantai walaupun dia hanya mengidam-idamkan sebentuk cincin sahaja. Keadaan ini diibaratkan

A pucuk dicita ulam mendatang.
B pungguk merindukan bulan.
C kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan.
D orang mengantuk disorongkan bantal.

29.

Sebaik-baik sahaja Si Tanggang enggan mengakui perempuan tua itu sebagai ibunya, dia pun dipanah petir tanpa sempat meminta maaf atas kesalahannya.

Berikut ialah peribahasa yang dapat memberi pengajaran berkaitan dengan situasi di atas **kecuali**

A sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.
B ikut hati mati, ikut rasa binasa.
C nasi sudah menjadi bubur.
D bagi anak ayam kehilangan ibu

30. Beberapa hari yang lepas, ibu Suzana telah dikejarkan ke hospital kerana diserang penyakit jantung. Belum pun reda dengan peristiwa itu, ayahnya pula diserang penyakit angin ahmar. Situasi yang dialami oleh Suzana ini ibarat

A untung sabut timbul, untung batu tenggelam.
B layang-layang putus tali.
C cubit paha kiri, paha kanan sakit jua.
D sudah jatuh ditimpa tangga.

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sayang Ayah

Cikgu Bustam kemudiannya mengiringi Angamah keluar ke ruang tamu. Dia masuk semula menemui guru besar.

"Kita mesti lakukan sesuatu!" Terang Cikgu Bustam.

"Kita laporkan dengan segera!" Celah guru besar dengan penuh simpati.

Belum pun sempat Cikgu Bustam berkata apa-apa atas cadangan guru besar itu, tiba-tiba sahaja budak pejabat meluru masuk dan membisikkan sesuatu. Guru besar keluar. Dua orang anggota polis sudah berdiri di hadapan pejabat. Guru Besar dan Cikgu Bustam mendapatkan mereka. Ada sesuatu yang diberitahu oleh anggota polis itu. Mata Cikgu Bustam dan guru besar kemudiannya tertumpu ke arah Angamah yang di dalam kebingungan.

Cikgu Bustam memimpin Angamah ke arah kereta guru besar. Murid-murid Tahun Enam Kenanga memandang dengan penuh tanda tanya. Angamah tetap membisu.

Di hospital, emak dan adik-adik sudah sedia menunggu. Angamah dibawa ke suatu sudut. Dia tidak dapat mengawal perasaannya lagi. Dia tidak peduli. Angamah menangis sekuat hati. Darah merah masih mengalir dari muka dan badan ayahnya. Ayahnya ditimpa kemalangan di tempat kerja.

"Saya sayang ayahhhh!" jeritnya dengan sekuat-kuat hatinya. Emak memeluk sambil mengusap kepalanya. Dia juga turut menangis.

Ketika mayat ayah dibawa pulang, Angamah mengerti bahawa ayahnya kini sudah tiada. Ayah tidak akan memukulnya lagi, tetapi dia tetap sayangkan ayah.

(Antologi Anak Bumi Tercinta, halaman 70-71)

31 Kedua-dua anggota polis itu datang ke sekolah untuk

A menyiasat penderaan yang dialami oleh Angamah.
B membuat laporan tentang penyeksaan Angamah kepada Guru Besar.
C memaklumkan berita kemalangan yang telah menimpa ayah Angamah.
D membawa Angamah ke hospital.

http://www.andrewchoo.edu.my

32 Mengapakah budak pejabat meluru masuk ke dalam bilik guru besar?

A untuk melaporkan kehadiran anggota polis.
B untuk membisikkan suatu rahsia peribadi.
C untuk memberitahu keadaan Angamah yang kebingungan.
D untuk mencadangkan Anggamah dibawa ke kereta guru besar.

33 'Darah merah masih mengalir dari muka dan badan ayahnya'.
unsur bahasa pada rangkai kata yang bergaris di atas ialah

A anafora.
B personifikasi.
C hiperbola.
D metafora.

34 Berdasarkan petikan, berikut ialah perwatakan Cikgu Bustam **kecuali**

A bertanggungjawab.
B simpati.
C prihatin.
D pemurah.

35 Persoalan yang terdapat dalam cerpen Sayang Ayah ialah

A kemiskinan sebuah keluarga.
B kasih sayang seorang anak terhadap ayah.
C peranan dan tanggungjawab seorang guru.
D penderitaan hidup seorang anak tiri.

http://www.andrewchoo.edu.my

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sajak Surat Dari Kampus

Sekalipun sehelai kertas kumal
cukup membanggakan anak sekolah desa.

"Terima kasih abang posmen!
Surat ini daripada kawan saya,
Seorang mahasiswa!"

Sekalipun isinya hanya berita kecil
lagi seminggu universiti akan bercuti,
di kampung surat itu harganya melambung
apalagi bagi keluarga petani.

Sehelai kertas kumal sekalipun
tiba dari sebuah universiti,
bagaikan mahu diusung keliling kampung
menyatakan terima kasih tidak terhingga.

(Antologi Sehijau Warna Daun, halaman 16)

36. Mengapakah penyajak berasa besar hati dengan kehadiran posmen?

A kerana rakannya akan bercuti di kampung kira-kira seminggu lagi.
B kerana menerima sepucuk surat daripada seorang mahasiswa.
C kerana teman sekampung telah berjaya hidup di bandar.
D kerana rakannya akan pulang ke kampung dengan segulung ijazah.

37. Surat 'bagaikan mahu diarak keliling kampung' kerana

A datang dari sebuah universiti.
B harganya melambung.
C isinya hanya berita kecil.
D cuma sehelai kertas kumal.

38. Pilih padanan gaya bahasa yang **salah**.

A bagaikan mahu diusung keliling kampung - *simile*
B di kampung surat itu harganya melambung - *inversi*
C sehelai kertas kumal - *epifora*
D Sekalipun isinya hanya berita kecil - *repetisi*
Sehelai kertas kumal sekalipun

http://www.andrewchoo.edu.my

39. Nilai murni yang manakah **tidak** terdapat dalam sajak di atas?

A hemah tinggi
B kerajinan
C toleransi
D kasih sayang

40. Apakah persoalan utama sajak *Surat Dari Kampus*?

A menghargai persahabatan lama.
B perpaduan dalam kalangan masyarakat kampung.
C kepentingan ilmu pengetahuan bagi penduduk luar bandar.
D sayang akan kampung halaman.

KERTAS SOALAN TAMAT

http://www.andrewchoo.edu.my

SKEMA JAWAPAN

BAHASA MELAYU KERTAS 1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR 2011

1. C	21. B
2. A	22. C
3. B	23. B
4. A	24. C
5. A	25. C
6. D	26. B
7. D	27. B
8. C	28. A
9. B	29. D
10.B	30. D
11.C	31. C
12.B	32. A
13.B	33. D
14.C	34. D
15.C	35. B
16.D	36. B
17.C	37. A
18.B	38. C
19.D	39. C
20.C	40. A

http://www.andrewchoo.edu.my